



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

SKIM PERKHIDMATAN PENGHANTAR NOTIS

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	N11
GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM1,216.00 – RM2,983.00
TARAF JAWATAN	:	TETAP

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM 1,216.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N14

10. Penghantar Notis Gred N11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N14 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N16

11. Penghantar Notis Gred N14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N16 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N18

12. Penghantar Notis Gred N16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N18 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 ATAU PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

13. Penghantar Notis yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 Atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 13 JULAI - 30 JULAI 2020 (KHAMIS)

CARA MEMOHON:

- a) Permohonan-permohonan yang telah lengkap dan diisi hendaklah dihantar kepada:-
- YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
85000 SEGAMAT JOHOR.**
- (sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*
- b) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- (i) Kad Pengenalan Diri yang telah disahkan;
 - (ii) Sijil kelahiran yang disahkan;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil Persekolahan yang telah disahkan;
 - (iv) Sijil Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon yang telah disahkan;
 - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima) yang telah disahkan;
 - (vi) Satu (1) keeping gambar terkini berukuran 'pasport';
 - (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada) yang telah disahkan.
- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Pengguna Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian

Prestasi tahunan yang terakhir seperimana mengikut Peraturan-Peraturan Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005, Peraturan 17 Bab A.

- d) Bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama resume permohonan.
- e) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti di dalam iklan akan **DITOLAK SERTA-MERTA**.
- f) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- g) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- h) Pihak pentadbiran Majlis Perbandaran Segamat tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH
PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU
MUKIM/KETUA KAMPUNG.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI MD ASRI BIN HAJI AMIR**)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat.